

Penggunaan Internet dalam Kalangan Kakitangan Awam dan Implikasinya terhadap Perlakuan Pengguna: Kajian Kes di Sabah

Mohd Hamdan Haji Adnan*
Universiti Malaysia Sabah, Malaysia

Mohd Adnan Hashim
Amir Shafiq
Universiti Teknologi MARA, Malaysia

*Emel perhubungan: hamdanadnan@ums.edu.my

Abstrak

Bermula dari penghujung abad kedua puluh sehingga awal abad ke-21, kerajaan Malaysia secara konsisten telah berusaha menjadikan penggunaan teknologi maklumat dan komunikasi (TMK) sebagai suatu cara hidup di negara ini. Usaha untuk menggalakkan penggunaan TMK sebagai cara hidup telah dikuatkuasakan oleh kerajaan sejak Internet mula diperkenalkan dan digunakan di negara ini. Justeru itu, penjawat awam sebagai penggerak daya budi kerajaan bolehlah dianggap pengguna perintis TMK berbanding pihak lain. Artikel ini meneliti secara umum penggunaan Internet oleh kakitangan awam di Sabah bertujuan mengetahui sama ada ianya memberi kesan terhadap tingkah laku pengguna mereka. Kajian telah menggunakan kaedah pensampelan rawak untuk memilih responden yang akan menjawab soal selidik yang disediakan. Kajian juga menerapkan teori penggunaan dan pemuasan untuk memahami mengapa dan bagaimana kakitangan awam menggunakan Internet untuk memenuhi beberapa keperluan mereka. Seramai 316 responden yang terdiri daripada kakitangan peringkat pengurusan sehinggalah peringkat sokongan daripada agensi kerajaan negeri Sabah menyertai tinjauan ini. Dapatan kajian menunjukkan bahawa kakitangan awam Sabah hampir sepenuhnya menerima dan menggunakan Internet dan ianya memberi kesan terhadap tingkah laku pengguna. Rumusannya, kajian ini telah membuktikan penjawat awam di Sabah dalam skop kajian ini banyak menghabiskan masa di Internet melalui penggunaan media sosial untuk bersosial, meningkatkan pengetahuan mereka, membeli-belah dalam talian dan berusaha untuk mendapatkan pendapatan tambahan.

Kata Kunci: *Tingkah Laku Pengguna, Penjawat Awam, Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Internet, Media Sosial, Literasi IT.*